

SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – PENGHUNI RUMAH (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Pelan Insurans Penghuni Rumah . Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).	Rujukan kami : VER0725 Nama Penawar : Liberty General Insurance Berhad Khidmat kewangan Nama Produk : Pelan Insurans Penghuni Rumah Tarikh : Julai 2025
---	---

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut **Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013**, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya **untuk diri sendiri/keluarga/tanggungan**, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan tersebut dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?

Polisi ini memberi perlindungan kepada anda untuk barang isi-rumah dan perlindungan ke atas kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran, letupan, kilat, banjir, dan sebarang peril yang dinyatakan di dalam polisi insurans.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

Polisi ini menawarkan perlindungan untuk:

- a) Perabut.
- b) Barang isi-rumah.
- c) Kelengkapan elektrik.
- d) Peralatan dapur.
- e) Pakaian.
- f) Barang persendirian dan barang berharga.

Manfaat tambahan yang boleh didapati dengan membayar premium tambahan:

- Kerosakan ke atas mangga dan pengantian kunci baru.
- Wang tunai.
- Barang kemas, emas, barang perak.
- Isi kandungan rumah yang berada di luar rumah untuk sementara waktu.
- Cermin terpecah.
- Insurans kematian.
- Kerugian sewa.
- Liabiliti awam.
- Perlindungan lanjutan untuk kecurian.

Tempoh perlindungan ialah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah bayaran premium yang perlu dibayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada syarat-syarat pengunderitan Pihak Syarikat, contoh seperti berikut:

- Premium tahunan bagi perlindungan asas untuk rumah berkembar yang dibina daripada dinding bata dan beratap genting bagi Jumlah Diinsuranskan sebanyak RM50,000.00 ialah RM 169.00.
- Premium tahunan bagi perlindungan tambahan rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat ialah RM5.00 (0.01% daripada RM50,000.00).
- Jumlah premium tahunan yang anda perlu bayar (Tidak termasuk cukai perkhidmatan dan duti setem) ialah RM174.00.
- Jumlah keseluruhan premium tahunan yang anda perlu bayar ialah RM 174.00 + cukai perkhidmatan + duti setem.

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
 Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

Tel: +603 2268 3333 Laman Sesawang: www.libertyinsurance.com.my
 (No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Nota: Polisi ini tertakluk kepada premium minimum RM 60.00 untuk risiko kediaman persendirian.

4. Berapakah bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar ialah

Jenis	Jumlah
Komisen ejen atau jika terdapat pengantara yang terlibat	15% daripada premium
Duti setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

- Tanggungjawab untuk memberitahu** – Anda mesti memberikan semua fakta di dalam borang permohonan anda dengan lengkap dan tepat.
- Anda mesti memastikan bahawa harta anda **diinsuranskan pada jumlah yang bersesuaian**.
- Lebihan:** 1 peratus daripada jumlah yang diinsuranskan atau RM 250.00 yang mana lebih rendah, boleh digunakan untuk kes Kecurian secara paksa masuk.

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Polisi ini tidak memberi perlindungan untuk:

- Kerugian/Kerosakan disebabkan perperangan, aktiviti pengganas, pencemaran radioaktif dan letupan sonik.
- Rumah yang ditinggalkan kosong melebihi 90 hari.
- Kecederaan yang membawa maut kepada orang yang diinsuranskan di luar Kediaman Peribadi.

(Nota :Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk pada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini)

7. Bolehkah saya membatalkan polisi dan bagaimanakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat insurans. Setelah pembatalan dibuat, anda layak menerima bayaran balik premium mengikut kadar jangka pendek, di mana sebarang bayaran premium minimum bagi polisi tidak akan dibayar balik.

8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat surat-menyurat saya?

Anda perlu memberitahu Syarikat Insurans jika terdapat sebarang perubahan pada alamat surat-menyurat, supaya semua urusan surat-menyurat dapat diterima oleh anda dalam masa yang ditetapkan.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk pada naskhah *insuranceinfo* berkenaan 'Insurans Pemilik Rumah/Penghuni Rumah', yang terdapat di semua pejabat cawangan kami. Anda juga boleh mendapatkan salinan daripada agen insurans atau layari laman web *insuranceinfo* di www.insuranceinfo.com.my atau

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Liberty General Insurance Berhad

Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan

Liberty Insurance Tower,

CT9, Pavilion Damansara Heights,

3, Jalan Damanlela,

Pusat Bandar Damansara,

50490 Kuala Lumpur

Tel. No. : +603 2268 3333 (General Line) or 1 300 88 8990

Emel : customer@libertyinsurance.com.my

Laman Web : www.libertyinsurance.com.my

10. Pilihan Insurans Pemilik Rumah & Penghuni Rumah lain yang boleh didapati:

Pilihan insurans pemilik rumah & penghuni rumah lain yang boleh didapati adalah seperti berikut:

- Polisi Kebakaran Asas.
- Polisi Pemilik Rumah.

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN BAHAWA HARTANAH ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERSESUAIN. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS SERTA BERBINCANG DENGAN AGEN INSURANS ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Liberty General Insurance Berhad dilesenken di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini diterbitkan pada Julai, 2025 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.